



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mempelawa pembida-pembida untuk tender berikut:

<b>TAJUK TENDER</b>	<b>TENDER BAGI KERJA-KERJA TINJAUAN TAPAK, NYAHOPERASI, REKA BENTUK, PEMBEKALAN, PENGHANTARAN, PEMASANGAN, PENGUJIAN, INTEGRASI, PENTAULIAHAN DAN PENYELENGGARAAN TIGA BELAS (13) SISTEM PEMANTAUAN JAUH DAN SATU (1) SISTEM PEMANTAUAN MUDAH ALIH</b>
<b>NO RUJUKAN TENDER</b>	MCMC/QMD/IRED(01)/NASMOC2026/TC/03/2026(03)
<b>FI DOKUMENTASI</b>	RM300.00
<b>SYARAT MANDATORI</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Penender hendaklah merupakan syarikat tempatan yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai sijil pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).</li><li>2. Pembida dikehendaki mengemukakan surat kebenaran atau sijil yang sah daripada pengilang, penyedia atau prinsipal sistem pemantauan spektrum. Dokumen tersebut hendaklah mengesahkan bahawa pembida merupakan wakil yang diberi kuasa di Malaysia untuk mengurus serta menyediakan sokongan yang diperlukan sepanjang tempoh projek.</li><li>3. Pembida dikehendaki mengemukakan sijil atau surat daripada pengilang, penyedia atau prinsipal bagi penyelesaian Sistem Pemantauan Jauh (RMS) dan Sistem Pemantauan Mudah Alih (MMS) yang mengesahkan bahawa sistem RMS dan MMS yang ditawarkan adalah mematuhi sepenuhnya piawaian Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) seperti yang dinyatakan dalam dokumen ini. Pematuhan ini hendaklah merangkumi keperluan yang diperincikan di bawah perenggan 42, 43, 44, 45, 48, 49, 51, dalam Seksyen 5 (Skop Kerja) serta Lampiran O dalam Dokumen Tender.</li><li>4. Penender hendaklah mengemukakan penyata kewangan yang telah diaudit, yang dikeluarkan oleh firma audit yang bereputasi dan bebas, yang membuktikan kedudukan kunci kira-kira, penyata aliran tunai dan penyata pendapatan yang stabil dan positif bagi setiap lima (5) tahun kewangan yang terdahulu.</li><li>5. Penender hendaklah mempunyai modal berbayar melebihi RM1,500,000.00 bagi tempoh lima (5) tahun yang lalu.</li><li>6. Sistem yang dicadangkan hendaklah merupakan penyelesaian yang telah terbukti dan pernah dibekalkan kepada mana-mana Pihak</li></ol>

	<p>Berkuasa Kawal Selia Kebangsaan (National Regulatory Authority – NRA). Pengeluar, pembekal atau prinsipal sistem hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman yang relevan dalam pembangunan, pembekalan dan penyelenggaraan Sistem Pemantauan Radio (Radio Monitoring System – RMS), Sistem Pemantauan Mudah Alih (Mobile Monitoring System – MMS) dan/atau sistem pemantauan serta pengurusan spektrum lain bagi NRA. Sekiranya penender bertindak sebagai wakil tempatan kepada pengeluar, pembekal atau prinsipal, penender hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman yang relevan dalam penyediaan dan penyelenggaraan sistem pemantauan dan/atau pengurusan spektrum bagi mana-mana NRA.</p> <p>7. Penender hendaklah memastikan bahawa semua Penyerahan Kewangan yang dikemukakan kepada MCMC disahkan dan diperakukan dengan tandatangan serta cop rasmi oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) atau pegawai yang diberi kuasa setara oleh penender.</p> <p>8. Penender boleh mematuhi semua keperluan di atas akan menyebabkan cadangan ditolak.</p>
<b>SESI TAKLIMAT</b>	<p><b>Tarikh</b> : 7 April 2026  <b>Masa</b> : 10:00 pagi  <b>Tempat</b> : Webinar</p> <p>Pra pendaftaran di Webinar <a href="#">Registration</a> sebelum atau pada pukul 5.00 petang, 6 April 2026 adalah <b>DIWAJIBKAN</b>.</p>
<b>MOD PEMBAYARAN</b>	Dokumen boleh dibeli di pautan berikut <a href="https://msmart.mcmc.gov.my">https://msmart.mcmc.gov.my</a> (FPX / Kad Kredit)
<b>TEMPOH PEMBELIAN</b>	31 Mac 2026 hingga 29 April 2026
<b>TARIKH TUTUP</b>	<b>30 April 2026, 12:00 tengah hari</b>

Kesemua kertas cadangan tender hendaklah diserahkan kepada Sekretariat Tender di Tingkat 1, MCMC Centre of Excellence (CoE) dan dialamatkan kepada:

**Pengerusi**  
**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**  
**MCMC Centre of Excellence (CoE)**  
**Jalan Impact, Cyber 6**  
**63000 Cyberjaya**  
**Selangor Darul Ehsan**  
**Tel: +603 - 8688 8000 Faks: +603 - 8688 1000**  
**E-mel: [tender@mcmc.gov.my](mailto:tender@mcmc.gov.my)**  
**(u.p.: Sekretariat Tender)**

**[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)**